

MAJLIS PENUTUP MINGGU SAHAM AMANAH MALAYSIA 2014 (MSAM 2014)

27/04/2014

PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR KOTA BHARU, KELANTAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia;

Yang Berhormat Ustaz Dato' Haji Mohd. Amar Abdullah
Timbalan Menteri Besar Kelantan dan isteri Yang Berbahagia Datin Hajah
Hasmani Haji Hussain;

Yang Amat Berbahagia Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid
Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan isteri Yang Amat Berbahagia
Toh Puan Sri Sagiyah Salikin;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman
Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB dan isteri Yang Berbahagia Puan Sri
Datin Sri Rohani Mohamad;

Ahli-ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB;

Pengerusi-pengerusi, Pengarah-pengarah Urusan dan Ketua-ketua Pegawai
Eksekutif Syarikat Kumpulan PNB;

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato',

Datin-Datin;

Dif-dif Jemputan;

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas keizinan dan limpah kurnia-Nya maka dapat kita bersama-sama pada pagi yang indah ini.

2. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan PNB kerana sudi menjemput saya ke Majlis Penutup Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2014.

3. Syabas saya ucapkan kepada PNB dan syarikat - syarikat Kumpulannya, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan serta Kerajaan Negeri Kelantan, di atas kesepaduan dan kemuafakatan menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia sampai ke penghujung acara dengan jayanya selama lapan hari di RTC Kota Bharu ini.

4. Tahniah juga kepada PNB dan syarikat-syarikat Kumpulannya kerana agenda pendidikan pelaburan negara ini, yang dimulakan pada tahun 2000, telah dapat bertahan selama 15 tahun.

5. Sesungguhnya bukan suatu perkara yang mudah untuk menganjurkan program pendidikan sebesar ini, apatah lagi penganjuran secara berturut-turut saban tahun. Maka, usaha PNB dan Syarikat-syarikat Kumpulannya untuk

mendidik masyarakat mengenai ilmu pelaburan dan perancangan kewangan dalam skala besar-besaran wajar dicontohi.

6. Ianya juga sejajar dengan ajaran agama Islam yang mewajibkan umatnya untuk menuntut ilmu pengetahuan, sepertimana sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam yang bermaksud: "Barangsiapa menginginkan soal-soal berhubungan dengan dunia, wajiblah ia memiliki ilmunya; dan barangsiapa yang ingin (selamat dan berbahagia) di akhirat, wajiblah ia mengetahui ilmunya pula; dan barangsiapa yang menginginkan kedua-duanya, wajiblah ia memiliki ilmu kedua-duanya."(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

7. Selari dengan tema penganjuran tahun ini iaitu 'Pelaburan 360 PNB', MSAM telahpun selesai menjelajah kesemua 14 negeri seluruh Malaysia pada tahun lepas, menemui segenap lapisan masyarakat. Maka, penganjuran tahun ini adalah agak istimewa kerana ianya merupakan penganjuran fasa kedua MSAM yang didatangkan dalam format baru dengan pengisian program yang lebih segar, dan Kelantan telah dipilih sebagai negeri pertama penganjuran.

8. Kota Bharu, Kelantan bukanlah tempat yang asing bagi penganjuran MSAM. Saya difahamkan penganjuran pada tahun 2001 di sini telah mencatatkan jumlah pengunjung harian paling ramai dalam sejarah penganjuran MSAM, iaitu seramai 38,000 pengunjung sehari, ataupun jumlah keseluruhan pengunjung yang mencecah 190,000 orang sepanjang lima hari penganjuran.

9. Penganjuran MSAM fasa kedua pada tahun ini nampaknya turut mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan. Saya dapat menyimpulkan demikian kerana semasa dalam perjalanan menuju ke dewan ini, saya merasa

begitu teruja melihat begitu ramai masyarakat Kelantan datang berduyun - duyun untuk mengunjungi pameran MSAM 2014.

10. Mereka begitu bersemangat datang untuk mendalami ilmu pelaburan serta mengambil peluang yang ada untuk memantapkan lagi kefahaman masing-masing. Walaupun kebanyakan kita telah mengetahui sedikit sebanyak tentang pelaburan, persekitaran yang sentiasa berubah menuntut kita untuk sentiasa terkehadapan dari segi pengetahuan jika ingin berjaya dalam pelaburan.

11. Tarikh 20 April setiap tahun, yakni tarikh pelancaran skim unit amanah pertama PNB pada tahun 1981 iaitu Sekim Amanah Saham Nasional, telah menjadi sinonim dengan tarikh bermulanya Minggu Saham Amanah Malaysia. Adalah menjadi harapan Kerajaan agar Minggu Saham Amanah Malaysia ini akan dapat diteruskan di tahun-tahun akan datang.

12. Saya yakin penganjuran Minggu Saham Amanah Malaysia ini telah mencapai objektif-objektifnya, dan memberikan kesan-kesan yang amat positif kepada masyarakat umum, dan kepada rakyat setempat di mana Minggu Saham itu dianjurkan.

13. Selain memberi manfaat kepada masyarakat, saya juga percaya penganjuran Minggu Saham juga membuka peluang kepada PNB dan syarikat-syarikat pelaburannya serta badan-badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan yang mengambil bahagian untuk mendekati rakyat, mendedahkan peranan, aktiviti dan pencapaian masing-masing, di samping menyampaikan ilmu dan panduan berguna kepada para pengunjung.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

14. Program tahunan Minggu Saham Amanah Malaysia ini merupakan sebahagian daripada pelbagai program tanggungjawab sosial korporat ataupun Corporate Social Responsibility (CSR) yang telah dilaksanakan oleh syarikat-syarikat yang menyertainya.

15. Sungguhpun aktiviti CSR ini giat dijalankan, ianya tidak langsung meminggirkan tanggungjawab serta fokus syarikat-syarikat terhadap stakeholders terutamanya pemegang saham syarikat, pelanggan, pembekal, rakan niaga, Kerajaan dan masyarakat umum.

16. Pemegang - pemegang saham syarikat-syarikat pula masih memperoleh keuntungan dan dividen daripada pelaburan mereka. Pembekal juga mendapat peluang-peluang perniagaan daripada syarikat yang sentiasa berkembang sementara pelanggan memperolehi barangan dan perkhidmatan yang baik dan berkualiti. Sebahagian keuntungan syarikat-syarikat ini disalurkan untuk manfaat masyarakat menerusi pelbagai aktiviti CSR. Inilah apa yang dipanggil sebagai 'the White Ocean Strategy' ataupun Strategi Lautan Putih.

17. Berbeza dengan 'the Blue Ocean Strategy' ataupun Strategi Lautan Biru yang memfokuskan kepada persaingan dan 'organisational strategy' yang terbaik untuk mendapatkan keuntungan perniagaan, Strategi Lautan Putih pula merupakan suatu strategi 'serampang dua mata' untuk membina kekuatan perniagaan dan dalam masa yang sama, 'memberi kembali' kepada persekitarannya dan memperkuatkannya. Dalam erti kata lain, perniagaan dan persekitaran sama-sama membangun.

18. Mengambil contoh produk pelaburan PNB yang ringkas, mudah dan mampu milik, pelabur merasa selesa untuk melabur. Apabila ini terjadi, prestasi perniagaan PNB juga makin meningkat dan dalam masa yang sama, para pelabur juga beroleh manfaat bukan sahaja dari segi pulangan dan pengagihan dividen pelaburan, malah lebih penting lagi mendidik mereka untuk melabur dan merancang kewangan seterusnya mencapai kebebasan kewangan di masa hadapan.

19. Seperti pepatah lama yang sering digunakan, “Berikan ikan kepada seseorang, dia dapat makan untuk sehari. Ajarkan seseorang untuk memancing ikan, dia dapat makan untuk seumur hidup.” Maka di sini, PNB bukan setakat ‘memberi ikan’ (dalam bentuk dividen) kepada para pelabur tetapi turut mengajar mereka ‘memancing’ dan seterusnya menjadi peneraju yang merevolusikan industri yang diceburi.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Selain daripada pemberian dividen pelaburan, PNB juga berkongsi kekuatan dan keuntungan perniagaannya dengan orang ramai menerusi penganjuran program-program pendidikan sebegini. Disebabkan keuntungan perniagaan, maka PNB mampu menampung perbelanjaan bagi melaksanakan program-program ini tanpa melibatkan wang-wang para pelabur yang diuruskannya.

21. Hakikatnya, dana-dana pelabur yang diuruskan oleh PNB, yang kini berjumlah 183.94 bilion unit milik 11.85 juta pelabur, telah menyaksikan

peningkatan yang begitu signifikan berbanding 35.96 bilion unit dalam edaran milik 7.76 juta pelabur pada tahun 2000, manakala hanya 11.8 bilion unit milik 3.5 juta pelabur pada tahun 1990. Setelah 36 tahun beroperasi, sudah pastilah dana milik PNB sendiri telah makin bertambah dan berkembang, hasil daripada keuntungan yang diperoleh setiap tahun yang disimpan dan dilaburkan semula.

22. Umum menyedari peranan PNB sebagai suatu platform untuk menyusun semula masyarakat dari aspek pembahagian kekayaan negara. Menerusi PNB yang ditubuhkan pada tahun 1978, lebih ramai golongan Bumiputera terlibat dalam pemilikan saham korporat, malah lama-kelamaan ramai juga yang berjaya mengemudi syarikat-syarikat besar dan strategik negara.

23. Selain itu, pertumbuhan ekonomi yang mapan dan berterusan juga penting agar kekayaan negara yang berkembang dapat diagihkan semula kepada golongan yang memerlukan. Bagi memastikan ekonomi dapat terus berkembang pula, kita mestilah memastikan adanya satu persekitaran yang kondusif, yang boleh menarik pelabur-pelabur dari dalam mahupun luar negeri untuk terus menanam modal dan memperoleh keuntungan daripada perniagaan dan pelaburan mereka.

24. Syukur Alhamdulillah, sejak mencapai kemerdekaan, negara kita pada keseluruhannya telah menikmati perpaduan dan keharmonian dalam kalangan kaum dalam tempoh yang berpanjangan. Suasana ini membolehkan Kerajaan melaksanakan program-program dan dasar-dasar yang telah dirangka secara berkesan.

25. Hasilnya, negara telah menikmati pertumbuhan ekonomi yang berterusan, sepertimana yang diumumkan oleh Bank Negara bahawa Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.1% untuk suku keempat 2013 walaupun di sebalik persekitaran ekonomi global yang mencabar. Ekonomi negara diunjurkan berkembang lebih kukuh pada kadar 5% hingga 5.5% untuk keseluruhan tahun 2014 seiring dengan prospek ekonomi yang dijangka lebih baik.

26. Program-program yang dirancang Kerajaan Persekutuan termasuklah Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia ke-10, kini berada di landasan yang betul untuk membawa negara ke arah negara berpendapatan tinggi.

27. Apabila ini tercapai, banyak peluang-peluang pekerjaan dapat diwujudkan untuk rakyat Malaysia. Pendapatan juga dapat ditingkatkan dan taraf hidup menjadi semakin tinggi dan bertambah baik.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

28. Malaysia juga telah secara konsisten muncul sebagai salah sebuah destinasi kewangan Islam terkemuka, terutamanya dalam perbankan Islam, pasaran sukuk dan ekuiti Islam. Seperti yang dinyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Majlis Pelancaran MSAM ini pada minggu lepas, Malaysia masih kekal menerajui pasaran sukuk global dengan nilai penerbitan sukuk melebihi RM267.02 juta pada 2013 iaitu 68.8 peratus daripada jumlah penerbitan sukuk di peringkat antarabangsa

29. Maka, kita dapat lihat bahawa Malaysia telah menjadi sebuah negara Islam yang banyak berperanan mendayakan dan mengarus-perdanakan sistem kewangan Islam hingga ke persada antarabangsa, dan perkara ini turut diakui komuniti antarabangsa seperti Sudan, Tunisia, India dan Jepun, antara lainnya.

30. Usaha memartabatkan Islam secara terancang dan menyeluruh ataupun 'Syumul' di Malaysia menjadi agenda penting Kerajaan sejak merdeka lagi. Agenda mendaulatkan Islam begitu menyerlah dalam semua aspek sama ada dari segi ekonomi, pentadbiran, pendidikan, perundangan dan sebagainya. Segala pendekatan dan saluran digunakan secara bersepadu dan terancang bermula dari pendidikan hinggalah ke penguatkuasaan undang-undang tanpa mengenyepikan kebebasan ataupun hak-hak penganut agama lain.

31. Kerajaan dalam melaksanakan program-program pembangunan negara sentiasa berlandaskan pegangan 'Maqasid al-Syariah' ataupun 'Matlamat Syarak' yang menepati tuntutan agama Islam, dan dalam memacu pembangunan negara, salah satu aspek yang menjadi fokus adalah pemerksaan sistem kewangan Islam.

32. Tahap kecanggihan pasaran kewangan Islam Malaysia pada masa ini adalah hasil daripada usaha bersepadu Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, cendekiawan Syariah dan komuniti industri kewangan Islam seperti Malaysian International Islamic Financial Centre (MIFC), International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) dan Association of Syariah Advisors (ASAS). Justeru, Malaysia telah secara konsisten muncul sebagai salah sebuah destinasi kewangan Islam terkemuka, terutamanya dalam perbankan Islam, pasaran sukuk dan ekuiti Islam.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

33. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada PNB, ASNB, Kerajaan Negeri Kelantan, dan syarikat-syarikat Kumpulan PNB kerana sudi bersama menganjurkan Minggu Saham Amanah Malaysia fasa baru ini. Berdasarkan jumlah pengunjung MSAM yang dicatatkan, dapat disimpulkan bahawa rakyat kita rata-ratanya peka terhadap perancangan kewangan dan semakin celik kewangan dan pelaburan. Syabas saya ucapkan.

34. Maka dengan lafaz Bismillah hirrahma nirrahim, saya dengan ini menyempurnakan upacara Penutup Minggu Saham Amanah Malaysia 2014 di Kota Bharu, Kelantan ini.

Wassalamu'alaikum warrahmatullahi wabarakatuh.